

DATE: 16/7 / 2010



SUARA BLOG

UM - 16/07/2010

Kerjasama UMNO-Pas, isu pasir di Selangor

CADANGAN kerjasama UMNO dan Pas serta isu perlombongan pasir secara berluasa di Selangor merupakan topik utama yang dikupas oleh para penulis blog minggu ini.

Salleh Saad (sallehsaad.blogspot.com) berkata, gagasan kerjasama UMNO dan Pas adalah untuk memantapkan lagi kuasa politik orang Melayu yang telah terhakis sejak pilihan raya umum lalu serta mengatasi masalah perpecahan Melayu yang sangat serius sehingga mudah dikotakkan oleh pihak-pihak berkepentingan.

Katanya, kedua-dua parti mewakili Melayu itu merupakan parti tertua di negara ini dan pernah bekerjasama dalam Barisan Nasional (BN) ketika Allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO sekitar awal tahun 1970-an.

"Lagi pun, ia bukan lagi boleh dilihat sebagai masalah politik dan ideologi semata-mata tetapi hendaklah lebih menajurus kepada masalah keselamatan dan 'survival' negara bangsa untuk masa depan," katanya. Sebaliknya, Amir Hamzah (amirhamzah64.blogspot.com) berkata, isu kerjasama UMNO-Pas bukan dibangkitkan oleh UMNO sebaliknya pihak lain yang mahu melihat kepentingan Melayu dan Islam terus terpelihara. Malangnya, kata beliau, isu kerjasama kedua-dua parti itu diputarbelitkan seolah-olah ia dibangkitkan oleh UMNO, sama seperti cadangan kerajaan perpaduan sebelum ini yang dibuat oleh beberapa pemimpin dalam Pas.

"Sebagai rakyat tidak ada gunanya kita mengajak orang berbuat baik tetapi dibalas dengan tuba. UMNO pula yang dilabel sebagai tidak siuman dan gila talak. Kalau UMNO hendak bekerjasama pun tentu lebih logik dengan pemimpin-pemimpin Melayu PKR kerana mereka pun pernah bersama UMNO di satu ketika dahulu berbanding dengan Pas yang rata-rata pemimpinnya ada 'besar batu dalam kepala,'" katanya.

Bagi Nik Mohd. Abduh (nikabduh.wordpress.com) pula, beliau berkata, tindakan UMNO dan Pas yang saling menuduh sebagai parti sesat menyebabkan kedua-dua parti Melayu itu akan saling bercakaran,



NIK MOHD. ABDUH

walaupun puncanya adalah perbezaan ideologi. Katanya, sejak dahulu lagi Pas mengatakan UMNO sesat dan pada masa yang sama juga UMNO menuduh Pas sebagai sesat.

"Tak tahulah bila nak berhenti. Memang

bila dah sesat, memang susah nak sampai ke penghujung, apatah bila dah saling sesat menyesatkan, lagi-lagilah susah nak ketemu hujung habisnya.

"Apabila UMNO menuduh Pas sebagai sesat, maka ia adalah tuduhan yang berat... Juga, apabila Pas menuduh UMNO pula sesat, maka ia pun satu tuduhan yang berat juga, sama berat dengan tuduhan oleh UMNO tadi."

Cuma kata beliau, tuduhan UMNO tidak disertakan dengan penjelasan manakala tuduhan Pas terhadap UMNO pula adalah sebaliknya.

Mengenai isu pasir di Selangor, blog Pisau.net (www.pisau.net) berkata, pendedahan isu kecurian pasir secara berluasa di Selangor tidak perlu dipersoalkan kerana ia seolah-olah sudah dirancang rapi. Katanya, tugas penguatkuasaan yang sebelum ini dilaksanakan oleh pasukan khas di bawah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) sudah tidak ada selepas 48 petugas terbabit dibuang kerja.

"Kerajaan Negeri Selangor mengarahkan agar tidak menyambung kontrak kerja kepada 48 orang anggota pasukan khas tanah dari pejabat tanah Kuala Selangor, Puchong, Kuala Langat dan Sepang .

"Puncanya tidak lain tidak bukan kerana mereka ini telah membongkar penyelewangan, rasuah dan kes curi pasir di beberapa kawasan di Selangor yang semua orang tahu didalangi oleh beberapa orang kuat di dalam kerajaan pakatan sendiri," katanya.

Arif Omar (arifomar.blogspot.com) pula berkata, kerajaan Selangor tidak sepatutnya mengheret sama Kerajaan Pusat berhubung isu pasir memandangkan ia adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Katanya, Menteri Besar sepatutnya mengarahkan PTG dan pejabat daerah untuk bertindak terhadap pencuri pasir terbabit dan bukannya menyerahkan tugas berkenaan kepada pihak polis.

"Cuma yang jadi masalah, bila PTG atau kakitangan atau orang dari pakatan yang terlibat dalam kegiatan ini. Itu yang kadang kala PTG pun takut," katanya.

Justeru, beliau menggesa para pemimpin Pas, DAP dan PKR bertindak mengadakan demonstrasi membantah isu pasir di Selangor seperti mana pelbagai bantahan yang sering dilakukan jika melibatkan kerajaan BN.

"Kepada Suhakam, ini juga melibatkan hak asasi manusia. Boleh menyebabkan kehidupan kami di Selangor dan Kuala Lumpur terjejas kerana ekosistem musnah. Tak mahu siasat ke? Kalau bab istana dan isu yang melibatkan kerajaan BN, cepat sangat Suhakam ini bertindak. Tak ada laporan rasmi pun, berlari menyiasatnya," katanya.

KELOLAAN LUKMAN ISMAIL
lukman.ismail@utusan.com.my